

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 26 RABU 29 JUN, 1966. 1386 رابو 10 ربيع الاول PERCHUMA



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin.

D.Y.M.M. MAULANA AL-SULTAN DAN D.Y.M.M. RAJA ISTERI BERANGKAT KA-LONDON PADA HARI INI

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri akan berangkat meninggalkan Negeri Brunei menuju ka-London melalui Hong Kong pada hari ini.

Ketua² Jabatan dan Pegawai² Pentadbiran Brunei ada-lah di-pinta berada di-Lapangan Terbang Brunei pada jam 11.40 pagi hari ini untuk mengucapkan Selamat Berangkat ka-London kepada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri.

Pakaian seragam tidak di-kehen-daki. Demikian menurut Surat Keli-ling Pejabat Setia Usaha Kerajaan.

WAKIL² P.G.G.M.B. KA-PERSIDANGAN GURU² SA-DUNIA

BANDAR BRUNEI. — Dua orang Pegawai² Persekutuan Guru² Melayu Brunei akan menghadiri Persidangan Guru² Sa-Dunia (W.C.O.T.P.) di-Korea Selatan dalam bulan Julai dan Ogos.

Mereka ia-lah Yang Di-per-tua, Persekutuan Guru² Melayu Brunei, Awang Md. Suni bin Haji Idris, Nadzir Sekolah² Negara, dan Pengarah Sharikat Bangunan Guru² Melayu Brunei, Awang Haji Mohamed Yassin bin Haji Metassim, Nadzir Sekolah² Melayu Bahagian Brunei I.

Persidangan Guru² Sa-Dunia itu akan di-adakan di-Bandar Seoul, Korea Selatan mulai pada 29 Julai hingga ka-9 Ogos, 1966.

KA-TOKYO

Sa-lepas menghadiri persidangan tersebut, Awang Md. Suni dan Awang Haji Md. Yassin di-jangka akan meng-hadhiri Seminar Guru² Sa-Dunia di-Tokyo, Negeri Jepun mulai pada 12 Ogos hingga ka-16 Ogos.

Kemudian mereka akan melawat ka-Taiwan, Hong Kong, Philipina, Negeri Siam dan ka-lain² negeri sa-belum balek ka-Brunei.

Selanjut-nya ada-lah di-faham-kan bahawa empat orang lagi wakil² dari Persekutuan Guru² Melayu Brunei akan menghad-hiri Seminar Latehan Pemimpin² di-bawah anjoran Pertubohan Guru² Sa-Dunia kali ketiga bagi kawasan Asia di-Singapura dalam bulan November tahun ini.

Sambutan Maulud Sa-chara Besar²an Di-Seluruh Negara Bulan Hadapan

BANDAR BRUNEI. — Umat Islam di-seluruh Negeri Brunei akan menyambut Hari Maulud Nabi Mohamed s.a.w., pada ta-hun ini dengan mengadakan perjumpaan dan perarakan² sa-chara besar²an di-tiap² Daerah dalam negeri ini dalam bulan Julai hadapan.

Rancangan sambutan Maulud di-tiap² Daerah ada-lah seperti berikut:

DAERAH MUARA: Hari Juma'at 1 Julai di-Masjid Setia Ali, Pekan Muara mulai jam 1.30 petang.

DAERAH BRUNEI: Hari Sabtu 2 Julai bertempat di-Padang Besar, Bandar Brunei mulai jam 2 petang.

DAERAH BELAIT: Hari Sabtu 9 Julai bertempat di-kawasan Masjid Mohamed

Jemalul Alam, Kuala Belait mulai jam 3.30 petang.

DAERAH TUTONG: Hari Juma'at 15 Julai bertempat di-hadapan bangunan Pejabat² Kerajaan, Pekan Tutong mulai jam 2 petang.

DAERAH TEMBURONG: Hari Sabtu 23 Julai bertempat di-hadapan bangunan Pejabat Kerajaan Pekan Bangar mulai jam 8.30 pagi.

PESTA MAULUD

Sementara itu satu PESTA MAULUD NABI akan di-adakan di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei pada hari Khamis 7 Julai mulai jam 7.30 malam.

Orang ramai ada-lah di-jemput beramai² ka-majlis tersebut.

Menghadhiri Upacara Penyampaian Ijazah Universiti Malaya

BERAKAS. — Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah berangkat ka-Kuala Lumpur dengan kapal terbang pada tengah hari Juma'at yang lalu untuk menghadhiri Upacara Penyampaian Ijazah Universiti Malaya pada hari Sabtu 25 Jun.

Ijazah² itu telah di-sampai-kan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Teramat Mulia Tengku Abdul Rahman Putera selaku Chanselor Universiti Malaya.

Minggu Pelajaran Merupakan Dorongan Kapada Murid2 Bagi Menambahkan "Semangat Mahu Belajar"

- Kata Penulong Menteri Pelajaran

BANDAR BRUNEI. — Murid2 dari 86 buah Sekolah2 Melayu di-seluruh Negeri Brunei telah menyambut **MINGGU PELAJARAN** pada tahun ini dengan serentak mulai pada hari Ahad 26 Jun. Sambutan itu akan berakhir pada hari Khamis 30 Jun.

Berbagai2 achara bagi menyambut "lahir-nya" temasha Minggu Pelajaran itu telah diadakan di-tiap2 buah sekolah dan begitu juga akan di-adakan berbagai2 achara bagi menutup sambutan tersebut di-sekolah2 yang berkenaan.

Tujuan besar di-adakan Minggu Pelajaran itu ia-lah untuk memberi peluang kepada ibu-bapa dan penjaga kanak2 untuk menyaksikan hasil kerja kanak2 di-sekolah dalam sa-panjang hari persekolahan.

Penulong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking berkata bahawa Minggu Pelajaran ada-lah merupakan faktor yang utama dalam hubungan-nya dengan pelajaran murid2 dan dalam hubungan ibu-bapa serta penjaga kanak2 sendiri.

Dari segi yang lain, kata beliau, Minggu Pelajaran ada-lah merupakan dorongan kepada murid2 bagi menambahkan "SEMANGAT MAHU BELAJAR", kerana apa yang telah di-ajar oleh Guru2 mereka, maka ajaran itu mereka buktikan dengan di-buat oleh mereka sendiri, kemudian di-tunjukkan kepada ibu-bapa dalam Minggu Pelajaran itu.

ALANGKAH GEMBIRA HATI KANAK2

"Alangkah gembira hati seorang kanak2 dapat memperlihatkan hasil lukisan-nya. Betapa bangga murid2 perempuan dapat membuktikan masakan kueh-mueh yang di-pelajari oleh mereka dan alangkah riang-nya hati anak tuan2 ketika belajar di-Darjah2 yang di-lawati dan disaksikan beramai2 oleh ibu-bapa mereka akan chara2-nya mereka menerima pelajaran daripada Guru2-nya," kata

Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan.

Selanjut-nya beliau berkata, "Sungguh pun di-pandang kecil pada diri Tuan2, tetapi besar erti-nya pada diri kanak2, terutama kanak2 yang berumur di-antara 6 tahun hingga 10 tahun dari segi ilmu jiwa."

Sementara itu, Nadzir Kesenian, Sekolah2 Melayu Negeri Brunei, Awang Md. Sum bin Hashim berkata bahawa Minggu Pelajaran itu telah dimulakan pada tahun 1963, tetapi pada masa sa-belum-nya di-namakan "HARI IBU BAPA", ia-itu di-adakan selama sa-hari sahaja.



Oleh sebab masa ini sangat pendek, kata beliau, tentu-lah ibu-bapa yang ada sa-suatu hal atau kerja yang mustahak tidak dapat datang pada hari itu.

Beliau berkata lagi bahawa sambutan pada tahun pertama, belum-lah begitu memuaskan. Tetapi, ibu-bapa telah mulai beransor2 faham tujuan Minggu Pelajaran ini dari sa-tahun ka-satahun.

RANCHANGAN RENGKAS

Ranchangan2 rengkas Sambutan Minggu Pelajaran di-semua Sekolah Melayu dalam Negeri Brunei ia-lah:

- Menunjukkan chara per-sekolahan yang biasa di-jalankan.
- Hari Pertama — Pembukaan Rasmi dan Pertunjukan mengajar saperti biasa.
- Hari Kedua, Ketiga dan Ke-empat menurut Jadual Waktu (Biasa).
- Hari Kelima — Belajar saperti biasa dan Upachara Penutup.




Sekolah2 Melayu Bahagian Tutong II telah mengadakan Pameran Lukisan dan Pekerjaan Tangan bersempena dengan sambutan "Minggu Pelajaran" di-Sekolah Melayu Abdul Rashid, Tanjong Maya pada hari Ahad yang lalu. Gambar atas kelihatan di-antara hasil pekerjaan tangan murid2 dari sekolah2 tersebut yang di-pameran itu.

Gambar2 ini di-ambil di-majlis pembukaan rasmi Keas2 Dewasa dan Urusan Rumah Tangga anjoran Kesatuan Pemuda Pemudi Sungai Kedayan oleh Penulong Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Orang Kaya Pekerma Dewa Awang Lukan bin Uking baru2 ini. Dayang Zahrah binte Haji Idris, selaku Wakil Pegawai Kebajikan Masyarakat Negara, kelihatan beruchap di-sabalah kiri dalam gambar ini. Dalam gambar di-sebelah kanan ia-lah di-antara para jemputan dan lain2-nya di-majlis tersebut. Berita-nya telah di-siarkan dalam akhbar ini pada keluaran hari Rabu yang lalu.

Pelajaran Ada-lah Sangat2 Mustahak Bagi Penghidupan Negara Kita Yang Sedang Menuju Kemajuan — Pengiran Othman

TUTONG. — Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohamed Salleh berkata sa-belum beliau merasmikan pembukaan Pameran Lukisan dan Pekerjaan Tangan Darjah2 Rendah Sekolah2 Melayu Bahagian Tutong Satu bahawa pelajaran ada-lah sangat2 mustahak bagi penghidupan kita, terutama sekali bagi negeri kita ini yang sedang menuju ka-arah kemajuan.



PENGIRAN OTHMAN

Majlis pembukaan rasmi pameran dan lukisan tersebut telah di-adakan di-Dewan Kembar Teratai, Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong pada pagi hari Ahad 19 Jun, 1966.

Pengiran Othman menegaskan bahawa dalam perkataan 'PELAJARAN' itu, ada-lah sangat luas, kerana pelajaran bukan sahaja merupakan perkataan2 yang kita tulis dan bacah yang kita pelajari pada tiap2 hari, tetapi pelajaran ada-lah merupakan perkara yang kita buat dengan kebolehan kita, ia-itu seperti pertukangan dan perusahaan tangan yang di-tunjukkan oleh murid2 pada hari ini.

Pelajari-lah Berbagai2 Ilmu

"Dari itu, saya berharap murid2 sekolah ini dan sekolah lain 'am-nya hendaklah mempelajari berbagai2 ilmu, supaya apabila mereka lepas dari sekolah nanti, mereka boleh membuat bermacam2 perkara yang mendatangkan faedah kepada mereka, terutama bagi kepentingan kehidupan sehari2 dan untuk kemajuan negara Brunei ini," kata beliau.

Seterus-nya Pengiran Othman berkata, "Ingin saya memberi INGATAN kepada para hadirin dan anak2 murid sekalian, ia-itu baru2 ini Duli Yang Maha Mulia telah membuat titah ucapan yang berharga semasa Baginda meletakkan Batu Asas Sekolah Ugama Perempuan Raja Isteri Anak Damit di-Brunei, menegaskan bahawa 'ILMU PENGETAHUAN' itu ada-lah asas hidup ma'anusia di-atas muka bumi ini.

Dari itu sudah tentu-lah pada pendapat kita semua, ba-

hawa murid2 yang berpelajaran akan menjadi RA'AYAT YANG BIJAKSANA DAN BERPENGETAHUAN TINGGI yang akan dapat mendokong negeri kita ini ka-arah kemajuan dan kema'amoran.

Para hadirin dan murid2 sekalian hendaklah mengetahui ia-itu dari pertunjukkan yang ada pada hari ini, akan membuktikan kebolehan anak2 murid di-bidang pelajaran, kerana dari benda2 yang di-buat oleh mereka ini ada-lah asas bagi membuat benda2 yang sebenar-nya di-masa yang akan datang.

Kalau pada masa pertunjukkan ini, sa-orang murid boleh membuat sa-buah rumah yang kecil, sudah besar nanti, murid itu akan boleh menjadi sa-orang ahli akitek.

Jika sa-orang murid itu tahu mengukir anak2 patong yang

kecil2 dari tanah2 liat, dan sudah besar nanti, ia akan menjadi ahli ukir dan boleh membuat ukiran2 dari marmar, tembaga dan lain2 dan begitu-lah seterusnya.

Gunakan-lah Kebolehan Di-Masa Pelajaran

Maka dari itu, sudah terbukti-lah di-hadapan mata kita bahawa sa-saorang murid itu mempunyai kebolehan. Dan kebolehan ini, anak2 murid jangan-lah di-semunyikan — bahkan gunakan-lah di-masa2 pelajaran anak2 murid sekalian, kerana di-suatu masa nanti, anak2 murid akan menjadi ORANG2 YANG TERMASHHUR. Dari itu, anak2 murid sekalian hendaklah BERUSAHA TERUS MENERUS hingga berjaya.

Pengiran Othman juga dalam ucapan beliau telah mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi Majlis itu kerana meminta beliau merasmikan pembukaan tersebut.

Beliau berkata juga bahawa beliau berasa bangga mendapat peluang yang ke-emasan itu, kerana ini-lah julong2 kali pameran lukisan dan pekerjaan tangan tersebut di-adakan di-Daerah Tutong.

Kursus Pertanian Ahli2 Persatuan Peladang Kampong Layong

LAYONG. — Rancangan Gerakan Kursus Pertanian bagi ahli2 Persatuan Peladang Kampong Layong di-Daerah Tutong ada-lah seperti berikut:

Hari Isnin 4 Julai: (a) 8.30 pagi — Rombongan Pegawai2 Perkembangan Pertanian Brunei berangkat ka-Layong. (b) 4.00—6.00 petang — Pembukaan Rasmi Kursus Pertanian di-Kampong Layong.

Hari Selasa 5 Julai: (a) 7.30 pagi — 12.00 tengah hari — Rombongan Pegawai2 Pertanian melawat perkebunan dan ladang2. (b) 4.00—6.00 petang — Sharahan2 dan Latehan2 Pertanian dalam Darjah.

Hari Rabu 6 Julai: (a) 7.30 pagi—12.00 tengah hari — Rombongan Pegawai2 Pertanian melawat perkebunan dan ladang2. (b) 4.00—6.00 petang — Sharahan dan Latehan2 Pertanian dalam Darjah.

Hari Khamis 7 Julai: (a) 7.30 pagi—12.00 tengah hari — Rombongan Pegawai2 Pertanian melawat perkebunan dan ladang2. (b) 4.00—6.00 petang — Sharahan2 dan

Latehan2 Pertanian dalam Darjah.

Hari Juma'at 8 Julai: 4.00—6.00 petang — Sharahan2 Pertanian dan Cheramah.

Hari Sabtu 9 Julai: 8.30 pagi — Rombongan Pegawai2 Pertanian berangkat balek ka-Bandar Brunei.

Hari Isnin 11 Julai: 8.30 pagi — Ahli2 Persatuan Peladang Kampong Layong berangkat melawat ka-Pusat Pertanian Kilanas sambil meninjau sa-chara langsung dalam segi Pertanian, Penternakan dan Perusahaan.

MAJLIS RAMAH TAMAH P.K.P.

SERIA. — Persatuan Kebajikan Perempuan Daerah Belait telah mengadakan satu Majlis Ramah Tamah untuk ahli2-nya pada petang hari Juma'at 24 Jun, 1966, bertempat di-rumah persatuan tersebut.

Ada-lah di-fahamkan bahawa di-antara tujuan2 di-adakan majlis tersebut ia-lah untuk meninjau pendapat ahli2

MENGHADHIRI KURSUS BOMBA DI-HONG KONG

BERAKAS. — Dua orang anggota2 Jabatan Perkhidmatan Bomba, Brunei telah berlepas ka-Hong Kong dengan kapal terbang pada hari Rabu 22 Jun, 1966 untuk menghadiri satu kursus berkenaan dengan perkara2 yang bersangkutan paut dengan Perkhidmatan Bomba di-sana.

Mereka ia-lah Awang Ahmad bin Bidin, sa-orang mekanik dan Awang Hitam bin Sidek, sa-orang pemandu.



Ag. Ahmad bin Bidin

Awang Ahmad dan Awang Hitam akan di-tempatkan di-Ibu Pejabat Bomba di-Hong Kong.

Sementara itu, Pengawal Perkhidmatan Bomba Negeri Brunei, Awang Lam So Man berkata bahawa keberangkatan kedua2 orang anggota Perkhidmatan Bomba Brunei ka-Hong Kong ia-lah sa-bahagian daripada rancangan2 Kerajaan berkenaan dengan latehan Pegawai2 Kerajaan di-sabear laut.



Ag. Hitam bin Sidek

Kerajaan juga, kata beliau akan membeli perkakas2 yang baru untuk Perkhidmatan Bomba Negeri Brunei sa-belum akhir tahun ini.

persatuan itu mengenai rancangan Pameran Barang2 Hasil Pertukangan Tangan dan Masakan2 oleh ahli2 persatuan tersebut yang akan di-adakan oleh persatuan itu dalam bulan Disember tahun ini.

MINGGU PELAJARAN

KIRA2 18,000 orang murid2 Sekolah2 Melayu di-seluruh Negeri Brunei telah bergembira pada hari Ahad 26 Jun, 1966 kerana pada hari itu-lah telah di-adakan sambutan di-Sekolah2 mereka bagi menyambut hari permulaan MINGGU PELAJARAN.

Sambutan Minggu Pelajaran yang telah di-mulai pada hari tersebut akan berakhir pada hari Khamis 30 Jun, 1966.

Di-antara tujuan2 di-adakan sambutan tersebut ia-lah untuk memberi peluang kepada ibu-bapa dan penjaga2 murid melawat ka-sekolah2 di-mana anak2 mereka belajar dan menyaksikan chara pelajaran persekolahan kanak2 itu.

Maka dengan chara sa-demikian dapat-lah ibu-bapa, penjaga2 murid berkenalan di-antara satu dengan lain serta bertukar fikiran mengenai pelajaran anak mereka masing2, be-ramah-tamah dengan Guru2 serta bertukar pendapat untuk memajukan dan mengatasi kemundoran pelajaran anak2 mereka.

Semasa lawatan ka-sekolah2 yang berkenaan, para ibu-bapa dan penjaga2 murid dapat juga mengetahui sa-jauh manakah anak2 mereka belajar dalam menempoh pelajaran-nya serta memerhati chara2 Guru2 menyampaikan sa-suatu pelajaran dan bagaimana kesan-nya kepada murid2 yang menerima pelajaran itu.

Minggu Pelajaran di-Sekolah2 Melayu Bahagian Rendah di-seluruh Negeri Brunei telah di-mulai pada tahun 1963. Terlebih dahulu telah di-adakan sambutan Hari Ibu Bapa, ia-itu sa-lama sa-hari sahaja. Oleh kerana masa itu sangat-lah pendek ibu-bapa dan penjaga2 kanak2 tidak-lah dapat menyaksikan chara2 pelajaran anak2 mereka di-sekolah.

Semenjak di-adakan sambutan tahun pertama sambutan Minggu Pelajaran itu, berbagai2 kemajuan telah di-chapai di-Sekolah2 Melayu Bahagian Rendah di-seluruh negara.

Pada masa di-adakan sambutan hari pertama Minggu Pelajaran di-sekolah2 tersebut, para ibu-bapa dan penjaga2 murid telah dapat menyaksikan kemajuan2 yang telah di-chapai oleh sekolah2 yang berkenaan itu.

Dengan dorongan yang di-berikan oleh ibu-bapa dan penjaga2 murid semasa lawatan mereka ka-sekolah2 yang berkenaan pada masa di-adakan sambutan Minggu Pelajaran, maka tidak shak lagi bahawa anak2 mereka akan bergiat belajar dengan bersungguh2, di-samping memperoleh pendedikan yang baik dan berfaedah yang di-berikan oleh Guru2 Besar dan Guru2 yang lain kepada kanak2 itu.

:O:—

SOKAN BORNEO

SOKAN BORNEO TAHUN 1966 telah "datang" dan ia telah pun "pergi". Pada masa di-langsungkan temasha Sokan Borneo itu di-Jesselton baru2 ini, ahli2 sokan dari Negeri Brunei, Sabah dan Sarawak yang telah di-pileh dalam temasha Sokan Kejohanan di-negeri masing2 telah mengambil bahagian dalam temasha sokan itu.

Sungguh pun, Negeri Brunei telah tidak memperoleh gelaran kejohanan dalam Bahagian2 Lelaki dan Wanita di-temasha SOKAN BORNEO itu, akan tetapi peserta2-nya, dengan mempunyai SEMANGAT KESOKANAN di-sanubari masing2, telah menjunjukkan chara permainan mereka yang chemerlang.

Di-antara peserta2 dari Negeri Brunei yang telah mengharumkan nama negeri ini di-temasha Sokan Borneo itu, ia-lah A. Sibidol dan Rani Metassan. Sibidol telah menjadi Johan dalam perlawanan Membuang Peluru, manakala Rani pula telah menjadi Johan dalam perlawanan Lompat Jauh.

Sibidol telah menyandang gelaran Johan dalam perlawanan Membuang Peluru di-temasha Sokan Borneo semenjak temasha sokan itu di-mulai dalam tahun 1955.

Ini-lah tahun pertama Rani Metassan menyandang gelaran Johan dalam perlawanan Lompat Jauh di-temasha Sokan Borneo itu. Dengan latehan yang chukup, maka Rani mungkin akan menyandang gelaran kejohanan tersebut sa-kali lagi pada tahun hadapan kelak.

Temasha Sokan Borneo pada tahun 1967 akan di-langsungkan di-Negeri Brunei.

Sungguh pun masa-nya hanya kira2 sa-tahun lagi sa-belum di-langsungkan temasha Sokan Borneo itu di-negeri ini, tetapi berdasarkan kepada pengalaman yang di-perolehi di-temasha Sokan Borneo di-Jesselton baru2 ini, peserta2 yang bakal mengambil bahagian dalam temasha2 Sokan Kejohanan Daerah dan mempunyai harapan untuk mewakili Negeri Brunei di-temasha Sokan Borneo itu akan berikhtiar dengan bersungguh2 untuk "membawa Negeri Brunei ka-merchu gunung" di-temasha Sokan Borneo Tahun 1967.



Setia Usaha Kerajaan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusof kelihatan memotong peta bagi merasmikan pembukaan Balai Raya Mukim Melilas pada 21 Jun, 1966.



Pegawai2 Kerajaan yang menjalankan tugas di-Melilas bagi mengutip chukai tanah dan Ujian Bahasa Melayu untuk menjadi ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan.



Pegawai2 Kanan Kerajaan yang mengadakan lawatan ka-Ulu B. pembukaan rasmi Balai2 Raya. Dari kiri ia-lah Penulong Menteri China Awang Hong Kok Tin; Penghulu Mukim Melilas, Penghulu Paduka Haji Md. Yusuf; Penulong Menteri Pos dan Kebajikan Yusuf dan Pegawai Daerah Belait Penghulu.



Gambar atas menunjukkan bangunan Balai Raya Mukim Melilas (kanan) dan di-sabelah kiri ia-lah bangunan Rumah Tumpangan Kerajaan.

BELAIT DENGAN RANCHANGAN LUAR BANDAR

PANJANG minggu yang Daerah Belait telah men- tumpuan perhatian sa- ngan penduduk2 negeri ini bila daerah itu telah me- ator program sa-minggu upacara pembukaan Ba- 2 Raya-nya yang telah di- di-Mukim2 dalam daerah

Pada 16 Jun yang lalu, sa- lah Balai Raya yang di-diri- an di-Kampung Sungai Tera- an, bertentangan dengan Jembatan Kuala Belait telah rasmiakan pembukaan - nya ch Setia Usaha Kerajaan runei, Yang Berhormat Pe- giran Dato Seri Paduka Haji Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.



ambil menyaksikan upacara2 ehatan, Y.B. Pehin Bendahari ; Y.B. Pengiran Dato Seri at, Y.B. Pengiran Haji Md.

Sa-lain dari itu, pada 20 dan 21 Jun, 1966 pula, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusof telah di-undang lagi un- tok merasmikan dua buah Ba- lai2 Raya yang di-dirikan di- Ulu Belait yang masing2 letak- nya di-Mukim Sukang dan Mukim Melilas.

Kedua2 mukim itu ada-lah terpenchil dari bandar Kuala Belait yang jauh-nya kira2 120 batu mengikut jalan sungai dan memakan masa yang ter- lalu panjang untuk sampai ka- mukim tersebut ia-itu kira2 12 jam jika bertolak dari Tem- batan Kuala Belait.

Ranchangan luar bandar daerah itu, bukan hanya sa- takat membena Balai2 Raya, te- tapi sa-jauh ini pembenaan ja- lan2 raya bagi menghubungkan antara satu mukim dengan mukim yang lain sa-bahagian- nya telah siap dan dalam jang- ka yang tidak lama lagi pen- dudok2 di-Mukim Bukit Sa- wat akan dapat pergi ka-Kuala Belait dengan melalui jalan2

raya yang di-bena itu yang pan- jang-nya kira2 50 batu.

Untuk ranchangan pembena- an jalan raya ini bukan hanya sa-takat ka-Mukim Bukit Sa- wat, tetapi ranchangan ini di- lakukan hingga ka-Mukim Me- lilas dan terus ka-Kampung Benggerang. Benggerang ia-lah sa-buah kampung yang letak- nya di-Ulu Melilas.

Penduduk2 yang tinggal da- lam kampung2 Pendalaman Daerah Belait itu kebanyakan- nya terdiri dari Puak Belait, Puak Dusun dan Puak Iban.

Satu lagi ranchangan luar bandar Daerah Belait yang me- makan belanja berjuta2 ringgit ia-lah pembenaan sa-buah jem- batan yang besar yang menye- berangi Sungai Belait.

Jembatan ini ada-lah bagi menghubungkan Mukim Labi dengan Mukim Bukit Puan. Pembenaan Jembatan itu sedang di-jalankan dan ia-nya akan siap dalam jangka tidak berapa lama lagi.

Di-samping jembatan itu, sa- banyak 11 buah jembatan kecil



Pengiran Momin, Pegawai Daerah Belait


yang menghubungkan satu kam- pong ka-satu kampung atau satu Mukim ka-satu mukim tel- lah siap di-bena.

Masa'alah kekurangan bekalan ayer bagi penduduk2 pendalaman Daerah Belait akan dapat di- atasi apabila satu ranchangan bekalan ayer itu siap di-bena nanti.

Masa ini, dua buah bendongan ayer sedang di-usahakan di-Mu- kim Labi dan kerja2 mengorek bendongan itu sedang berjalan dengan lancar-nya. Perbelanja- an untuk ranchangan itu di- jangka memakan belanja sa- banyak 4 juta ringgit.

Satu lagi ranchangan luar bandar daerah itu ia-lah bagi mendirikan rumah2 tumpangan Kerajaan untuk memberi kemu- dahan kepada pegawai2 kerajaan menjalankan tugas2 mereka di-kampung2 pendalaman.

Sa-jauh ini sa-banyak 4 buah rumah2 tumpangan telah siap di-bena dan di-gunakan. Rumah2 tumpangan itu telah di-dirikan di-Mukim2 Bukit Sawat, Su- kang, Melilas dan Labi.



Ini-lah jembatan yang menghubungkan Mukim Labi dengan Mukim Bukit Puan yang sedang dalam pembenaan.

JAWATAN - JAWATAN KOSONG:

JURURAWAT2

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada jururawat2 yang berkecualan bagi memenuhi beberapa jawatan sebagai Jururawat di-Pejabat Perubatan dan Kesehatan, Brunei.

Kelayakan2:

Mesti-lah berkelulusan sebagai Jururawat Terlatih; dan, sebagai tambahan kepada sedikit sebanyak pengalaman sebagai Jururawat Terlatih, di-kehendaki juga berkecualan sebagai bidan (S.C.M. Bahagian I).

Gaji:

Dalam sukatan D4 \$500x 20-620 sa-bulan.

Sharat2 Lantikan:

Sechra berkontrek selama 3 tahun termasuk masa per-chubaaan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ia-lah dengan

persetujuan bersama.

Lantikan isteri2 pegawai Kerajaan Brunei ia-lah sechra sa-bulan ka-sa-bulan.

Baksis:

Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 30 Julai, 1966.

Penyelenggara Setor Di-Pejabat Pertanian Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian untuk memenuhi jawatan Penyelenggara Setor Bahagian II di-Pejabat Pertanian, Brunei.

Gaji:

Dalam sukatan D2 EB 3 \$270 x 15-360/EB/380 x 20-480.

Hanya mereka yang mempunyai kelayakan2 berikut di-kehendaki memohon:—

Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah VI Sekolah Melayu dan Form III Sekolah Inggeris, atau yang bersamaan dengan-nya, dan ber-

pengalaman dalam kerja setor selama sekurang2-nya 4 tahun.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat yang di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-isi di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 13 Julai, 1966.

Jururawat2 Perchubaaan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa untuk memenuhi jawatan kosong sebagai Jururawat Perchubaaan di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan, Brunei.

Pemohon2 mesti-lah dari ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan Brunei atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah telah meningkat umur 18 tahun. Mereka mesti-lah telah lulus sekurang2-nya Form III Sekolah Inggeris, atau kelulusan yang setaraf dengan-nya.

Sukatan Gaji:

Dalam Perchubaaan D 1-2 — \$210x10-260/270x15-360.

Gaji permulaan bergantung pada kelulusan persekolahan.

Jururawat Terlatih D 3 — \$380x20-480.

Sharat2 Lantikan:

(a) Pemohon2 yang di-pileh

akan menjalani latihan bagi mendapatkan Sijil Jururawat Terlatih di-Rumah Sakit Besar, Brunei. Lazimnya latihan ini memakan masa selama tiga tahun. Setelah memperoleh Sijil Jururawat Terlatih, pemohon2 ada-lah berhak di-tetapkan sebagai Jururawat Terlatih di-Jabatan Perubatan dan Kesehatan Kerajaan Brunei.

(b) Pakaian seragam ada-lah di-beri perchubaaan dan tempat tinggal akan di-adakan. Jururawat2 Perchubaaan akan menerima alaan Dho-bi dan Alaon Makan.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 11 Julai, 1966.

Pegawai Foto Di-Pejabat Sekolah Gambar Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian untuk memenuhi jawatan Pegawai Foto di-Pejabat Sekolah Gambar, Brunei.

Kelayakan2:

Chalon2 mesti-lah berumur di-antara 18 dan 25 tahun dan lulus sekurang2-nya Form IV Sekolah Inggeris dan Darjah IV Sekolah Melayu atau yang bersamaan dengan-nya, serta chenderong dalam kerja penggambaran.

Keutamaan akan di-beri kepada chalon yang berkebolehan dan berpengalaman sebagai jurugambar.

Satu ujian akan di-adakan bagi menentukan kebolehan pemohon2.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D 1-2-3 EB 4 \$210x10-270x15-360x 20-480/EB/500x20-620.

Gaji permulaan bergantung pada kelayakan dan pengalaman.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat yang di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-isi di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 16 Julai, 1966.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 29 Jun, hingga ka-hari Selasa 5 Julai, 1966, ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
	29	12-29	3-49	6-40	7-52	4-38	4-53	6-10
	30	12-29	3-49	6-40	7-52	4-38	4-53	6-10
	1	12-29	3-51	6-41	7-52	4-38	4-53	6-11
	2	12-29	3-51	6-41	7-52	4-38	4-53	6-11
	3	12-29	3-51	6-41	7-52	4-38	4-53	6-11
	4	12-29	3-51	6-41	7-52	4-38	4-53	6-11
	5	12-29	3-51	6-41	7-52	4-38	4-53	6-11

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

PERLAWANAN BOLA SEPAK DI-DAERAH BELAIT

KUALA BELAIT. — Jadual Perlawanan Bola Sepak di-Daerah Belait anjoran B.D.A. F.L. bagi pusingan pertama pada petang hari Sabtu 2 Julai dan hari Selasa 5 Julai, 1966 ada-lah seperti di-bawah ini:

2 JULAI

(a) Pulis Di-Raja melawan 2/6 Gorkha. Padang — K.B. R.C. Pengadil — Kapitan

Brown.

(b) Dayak Club melawan S.M. C. "A". Padang — Arina. Pengadil — R. G. Clark.

(c) Pasokan Bekas Penuntut2 Sekolah Saint Michael melawan Maktab Anthony Abell. Padang — Panaga. Pengadil — A. K. M. Salim.

5 JULAI

(a) Panaga melawan St. M. School. Padang — Marina. Pengadil — R. G. Clark.

(b) Dayak Club melawan K.B. R.C. Padang — Arina. Pengadil — Kapitan Brown.

(c) Maktab Anthony Abell melawan J.K.R. "B". Padang K.B.R.C. Pengadil. — A. K. M. Salim.

Gunakan-lah Bahasa Melayu Dalam!Segala Lapangan

SOKAN BORNEO:

Johan Buang Peluru - A. Sibidol
Johan Lompat Jauh - Rani Metassan
Kedua2-nya Dari Brunei

JESSELTON. — Temasha SOKAN BORNEO pada tahun ini telah di-langsungkan di-Jesselton, Sabah pada petang hari Juma'at 24 Jun dan hari Sabtu 25 Jun bertempat di-Padang Kelab Lumba Kuda Diraja Sabah.

Keputusan-nya ada-lah seperti di-bawah ini.

BAHAGIAN LELAKI:
Johan: Sabah — menda-pat 141 mata. Naib Jo-han: Sarawak — menda-pat 130 mata. Pemenang Ketiga: Brunei — menda-pat 84 mata.

BAHAGIAN WANI-TA: Johan: Sabah—men-dapat 102½ mata. Naib Johan Sarawak — men-dapat 89 mata. Pemenang Ketiga: Brunei — menda-pat 41½ mata.

Di-antara peserta2 yang mengharumkan nama Brunei di-temasha Sokan Borneo itu, ia-lah A. Sibidol dan Rani Metassan.

Sibidol telah menjadi Johan dalam bahagian Membuang Peluru, manakala Rani Metassan pula telah menjadi Johan dalam Bahagian Lompat Jauh.

Meskipun hujan telah men-churah turun dengan lebat-nya pada kedua2 hari di-adakan temasha Sokan Borneo itu, akan tetapi peserta2 dari Brunei telah mengambil bahagian dalam temasha sokan itu dengan mempunyai SEMANGAT SOKAN di-sanubari masing2, sungguh pun mereka telah tidak berjaya menyangang ge-

laran kejohanan temasha so-kan itu .

Keputusan penoh temasha SOKAN BORNEO tersebut ada-lah seperti berikut:

LELAKI

100M: 1. Latif Olen (Sarawak) 11.6s; 2. Marzuki Hassan (Sarawak) 11.8s; 3. Zainud-din Wahab (Sabah) 11.8s.

200M: 1. Zainuddin Wahab (Sabah) 24.7s; 2. Raymond Lim (Sabah) 25.0s; 3. Mar-zuki Hassan (Sarawak) 25.4s.

400M: Latif Olen (Sarawak) 52.2s; 2. Ron Spence (Sabah) 53.7s; 3. Balwant Singh Kler (Sabah) 53.8s.

800M: 1. Balwant Singh Kler (Sabah) 2:5.2; 2. Sinin Mata-li (Brunei) 2:7.2; 3. Joseph Mong (Sarawak) 2:9.0.

1,500M: 1. Michael Hurd (Sa-bah) 4:11.5; 2. Dilbagh Singh Kler (Sabah) 4:17.2; 3. Lim Yang Han (Sarawak) 4:26.7.

5,000M: 1. Michael Hurd (Sa-bah) 16:14.6; 2. Dilbagh Singh Kler (Sabah) 16:50.2; 3. Jamali (Sarawak) 17:37.0.

110M Lari Lompat Pagar: 1. Stephen Umbol (Sabah) 16.5; 2. Archa Dick (Sabah) 17.0; 3. Salleh Wahab (Sarawak) 17.5.

400M Lari Lompat Pagar: 1. Salleh Wahab (Sarawak) 57.7; 2. Hamid Momin

(Brunei) 59.0; 3. Balwant Singh Kler (Sabah) 59.6.

Lompat Bergalah: 1. Ceril Perera (Sarawak) 10 kaki 4 inchi; 2. Abdullah Zakaiah (Brunei) 10 kaki; 3. Onn Timbang (Brunei) 9 kaki 9 inchi..

Lompat Tinggi: 1. Cpl. Williams (Sabah) 5 kaki 10 inchi; 2. Boniface Yeo (Brunei) 5 kaki 8 inchi; 3. David Chu (Sa-bah) 5 kaki 6 inchi.

Lompat Jauh: 1. Rani Matas-san (Brunei) 21 kaki 4½ inchi; 2. Albert Chong (Sabah) 21 kaki 3½ inchi; 3. Andrew Yeo (Sarawak) 20 kaki 10½ inchi.

Lompat Kijang: 1. Gabuh Pi-ging (Sabah) 45 kaki 2 inchi; 2. Andrew Yeo (Sarawak) 44 kaki 10 inchi; 3. Chong Siew Kyum (Brunei) 44 kaki 4½ inchi.

Buang Peluru: 1. A. Sibidol (Brunei) 39 kaki 10½ inchi; 2. Philip Thein (Sabah) 39 kaki 10½ inchi; 3. William Yeo (Sarawak) 38 kaki 9 inchi.

Lempar Piring Besi: 1. Premjeit Singh (Sarawak) 112 kaki 11 inchi; 2. A.Sibidol (Brunei) 111 kaki 3 inchi; 3. Sgt. Mausil (Sabah) 109 kaki 1 inchi.

Baling Lembing: 1. Sylvester Chang (Sabah) 169 kaki 1 inchi; 2. Premjeit Singh (Sa-rarak) 168 kaki 6½ inchi; 3. Daljeit Singh (Sarawak) 167 kaki 7 inchi.

Lari Berganti2 4 x 100M: 1. Sa-bah (Raymond Lim, Lai Kui Kew, Albert Chong, Zainud-din) 46.2; 2. Sarawak (Mar-zuki, Michael, Bill, Latif) 46.7; 3. Brunei 47.0.

Lari Berganti2 4 x 400M: 1. Sa-rarak (Wahab, Joseph, Mar-zuki, Latif) 3:41.6; 2. Sabah (Balwant, Raymond, Zainud-din, Spence) 3:42.7; 3. Bru-nei 4:7.2.

WANITA

100M: 1. Marie Nair (Sabah) 13.4; 2. Maria Yusof (Sabah) 14; 3. Lim Geok Kheng (Brunei) 14.4.

200M: 1. Marie Nair (Sabah) 27.2; 2. Maria Yusof (Sabah) 28.4; 3. Thien Lee Choo (Sa-rarak) 29.5.

400M: 1. Chong Mei Ling (Sa-rarak) 64.8; 2. Lee Nyuk Moi (Sarawak) 69.9; 3. Gur-jit Bagwala (Sabah) 71.0.

800M: 1. Chong Mei Ling (Sa-rarak) 2:32.6; 2. Ratan Kler (Sabah) 2:46.6; 3. Gurjit Ba-gawala (Sabah) 2:50.0.

Lari Lompat Pagar 80M: 1. Harcharan Kler (Sabah) 13.8; 2. Voon Siew Eng (Sa-rarak) 14.6; 3. Zene Kadir (Brunei) 15.0.

Lompat Tinggi: 1. Chai Ng Mei (Sarawak) 4 kaki 6 inchi; 2. Kueh Siew Luan (Sa-rarak) 4 kaki 4 inchi; 3. Lim Geok Kheng (Brunei) 4 kaki 4 inchi.

Lompat Jauh: 1. Marie Nair (Sabah) 17 kaki 4 inchi; 2. Denisia Mujie (Sabah) 15 kaki 9 inchi; 3. Kuen Siew Luan (Sarawak) 15 kaki ½ inchi.

Buang Peluru: 1. Mary Wong (Sabah) 36 kaki 6 inchi (rekod baru); 2. Vivien Eek (Sarawak) 28 kaki 3 inchi; 3. Seah Kim Hua (Sarawak) 26 kaki 1½ inchi.

Lempar Piring Besi: 1. Mary Wong (Sabah) 101 kaki 3 inchi; 2. Mariam Mujie (Sa-bah) 83 kaki 2 inchi; 3. Seah Kim Hua (Sarawak) 82 kaki 7 inchi.

Baling Lembing: 1. Vivien Eek (Sarawak) 108 kaki 4 inchi; 2. Chong Nyet Ha (Sabah) 94 kaki 1 inchi.

Lari Berganti2 4 x 100M: 1. Sabah (Maria Yusof, Stella Meyer, Mary Kong, Marie Nair) 15.6; 2. Sarawak 56.4; 3. Brunei 58.9.



Gambar2 kiri dan kanan di-ambil di-temasha Sokan Brunei di-Gelanggang Sokan Seria pada 12 Jun, 1966.

Bekas Orang2 Tahanan Di-Seru Supaya Ta'at Setia Kapada D.Y.M.M. Dan Kerajaan

BUNUT. — Pengawal Talikom Negara, Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra Haji Mohamed bin Pengiran Piut telah menyeru kapada bekas orang2 tahanan supaya mereka memberikan ta'at setia dan kerjasama mereka dengan tidak berbelah bagi ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan dan Kerajaan Baginda.

Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra telah melafadzkan ucapan tersebut kapada 19 orang bekas orang tahanan dari Khemah Tahanan Berakas yang telah tamat mengahdhiri Kursus Pemulihan di-Pusat Pemulihan Bunut selama dua bulan pada petang hari Khamis 23 Jun, 1966.

Dalam ucapan tersebut, Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indra telah meminta kapada bekas orang2 tahanan itu supaya jangan-lah mereka lupa berkenaan dengan tanggung jawab mereka terhadap ra'ayat dan negara.

Beliau juga telah menyeru mereka supaya menurut Undang2 Negara dan mengekalkan keamanan dan keselamatan Negeri Brunei Darus Salam.

Sementara itu Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun telah melawat ka-Pusat Pemulihan Bunut pada masa bekas orang2 tahanan mengahdhiri kursus tersebut dimana beliau telah memberikan satu ucapan yang berharga.

1639 ORANG DI-BEBASKAN

Dengan pembebasan 19 orang bekas orang2 tahanan itu, sa-

jumlah 1639 bekas orang2 tahanan dari Khemah Tahanan Berakas telah di-bebaskan.

Sa-bilangan daripada bekas orang2 tahanan itu telah pun di-berikan pekerjaan dan adalah di-harapkan bahawa pekerjaan2 yang sesuai akan di-chari untuk lain2-nya. Demikian menurut, Pegawai Pemulihan Kehidupan Negara, Pusat Pemulihan Bunut, Awang L.J. Brown.

Kenyataan Mengenai Chukai2 Tanah Yang Belum Lagi Di-Jelaskan

BANDAR BRUNEI.—Tuan2 punya tanah yang belum lagi menjelaskan hutang bayaran chukai tanah tahunan ada-lah di-beri amaran bahawa tanah mereka itu akan di-rampas, sa-kira-nya hutang chukai itu tidak di-jelaskan.

Dalam satu kenyataan, Pesuruh Jaya Tanah, Awang B. C. Cartland berkata, bahawa chukai untuk 2,428 keping tanah yang di-punyai oleh tuan2 punya tanah di-Daerah Brunei dan Muara pada masa ini berjumlah \$23,210 belum lagi di-jelaskan. Hutang itu ia-lah untuk sa-lama 5 tahun atau lebih.

Beliau menegaskan bahawa bayaran chukai tanah di-Negeri Brunei ada-lah sederhana dan

Perarakan Sambutan Maulud Nabi Mohammad s.a.w. Bagi Tahun 1386/1966

BANDAR BRUNEI. — Ada-lah di-ma'alomkan kapada Kampong2 atau Sekolah2 yang disebutkan di-bawah ini supaya pasokan2 mereka yang akan memasuki perarakan Maulud Nabi di-Bandar Brunei pada 2 Julai, 1966, bersedia di-Sekolah Kampong masing2 pada jam 11.00 pagi pada tarikh yang disebutkan kerana menunggu keinderaan Jabatan Kerja Raya yang akan membawa mereka ka-Padang Besar Bandar Brunei:

- I) Maktab Perguruan Melayu Brunei.
- II) Pasokan Kampong Sungai Hanching.
- III) Pasokan Sekolah Agama Amar Pahlawan dan Belia Berakas, Brunei.
- IV) Sekolah Agama Delima

I, Berakas.

V) Sekolah Agama Bunut dan penduduk2 Kampong Bunut.

VI) Sekolah Agama OKSB Kilanas.

VII) Sekolah Agama Klulap hendak-lah menunggu dekat jambatan Edinburgh.

VIII) Sekolah Melayu Pintu Malim, manakala pasokan2 dari Lumapas hendak-lah menunggu di-Ujong Jalan dan Pangkalan Batu menunggu di-tebing Kampong Pangkalan Batu.

Dengan ini juga di-ma'alomkan, bahawa jalan2 yang akan di-lalui oleh pasokan2 perarakan ada-lah seperti berikut: Dari Padang Besar, Bandar Brunei melalui Jalan Elizabeth II, Jalan Stoney, Jalan Sumbiling, Jalan Kumbang Pasang, Jalan Sekolah, Jalan Tasek, Jalan Sungai Kianggeh, Jalan McArthur dan Jalan Chevallier.

Oleh kerana pasokan2 yang akan menyertai perarakan ada-lah terlalu banyak, maka diminta di-tiap2 pasokan berjalan dalam 3 barisan.

MENGHADHIRI PERSIDANGAN ROTARY

BERAKAS. — Bakal Yang Dipertua Klab Rotary, Bandar Brunei, Awang G. V. de Freitas dan bakal Setia Usaha klab tersebut, Awang Talib bin Derwish telah berlepas ka-Ipoh dengan kapal terbang pada hari Juma'at 24 Jun untuk mengahdhiri Persidangan Rotary bagi Daerah 330 Klab Rotary Antara Bangsa.

Persidangan Rotary itu telah di-langsungkan di-Ipoh pada hari Sabtu dan Ahad yang lalu.

Perlawanan2 Bola Sepak Di-Bandar Brunei

BANDAR BRUNEI. — Jaddual Perlawanan Bola Sepak di-Padang Besar, Bandar Brunei mulai pada hari Rabu 29 Jun hingga ka-hari Selasa 5 Julai, 1966 ada-lah seperti berikut:

Hari Rabu 29 Jun: Sumbiling "B" melawan Perkasa. Penjaga Tepi — Sultan Lama "B".

Hari Khamis 30 Jun: Burong Pingai melawan Sumbiling "A" Penjaga Tepi — Kubu.

Hari Jum'at 1 Julai: Belia Berakas melawan Sultan Lama "B". Penjaga Tepi — Belia Sengkurong.

Hari Sabtu 2 Julai: Sungai Kebun melawan Sukarela Tutong. Penjaga Tepi — 3 PKA.

Hari Isnin 4 Julai: Sumbiling "B" melawan Kubu. Penjaga Tepi — Sungai Kedayan.

Hari Selasa 5 Julai: Burong Pingai melawan Belia Berakas. Penjaga Tepi — Sumbiling "B".

Majlis Mengucapkan Selamat Berpisah Dan Tahniah Kapada Guru2 Agama

BANDAR BRUNEI. — Satu majlis untuk mengucapkan Selamat Berpisah kapada Guru2 Agama yang mengahdhiri Kelas Sabtu di-Daerah Brunei dan Muara serta mengucapkan tahniah kapada Guru2 Agama yang pada masa ini mengahdhiri Kursus Agama di-sini telah di-adakan di-Dewan Madrasah, Bandar Brunei pada pagi hari Juma'at 24 Jun, 1966.

Di-antara ramai para hadhirin di-majlis tersebut ia-lah beberapa orang Pegawai2 dari Jabatan Hal Ehwal Agama, Brunei dan para jemputan.

Majlis itu di-mulai dengan Bachaan Al-Koran oleh Da-yang Aminah binte Siling dan di-turuti dengan ucapan2 oleh Pengerusi Majlis, Awang Ahmad Abu Bakar; Malai Hamidah, selaku wakil Guru2 Perempuan yang di-ra'ikan dan Awangku Badaruddin bin Pe-

ngiran Haji Damit, selaku wakil Guru2 Lelaki yang di-ra'ikan.

Kemudian ucapan2 telah di-lafadzkan oleh Pemereksa Sekolah2 Agama Daerah Brunei dan Muara, Awang Abdul Rahman bin Khatib Abdullah serta oleh Penyusun dan Pengelola Sekolah2 Agama Negeri Brunei, Awang Haji Abdul Kadir bin Haji Hassan.

Majlis itu di-akhiri dengan Bachaan Do'a Selamat oleh Utadz Hassan Zaki.

Stem2 Khas Bagi Menyambut Perlawanan Bola Sepak Johan Sa-Dunia

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Perkhidmatan Pos Negeri Brunei akan menjual Stem2 Khas bagi menyambut Perlawanan Bola Sepak Kejohanan Sa-Dunia pada hari Isnin 4 Julai, 1966.

Stem2 khas itu akan di-jual di-semua Pejabat2 Pos di-seluruh Negeri Brunei mulai pada hari tersebut sa-lama tiga bulan atau pun sa-hingga masa stem2 itu habis di-jual.

tidak akan menjadi kesusahan untuk membayar-nya.

Akan tetapi, kata-nya, oleh kerana sa-barang tindakan pun telah tidak di-ambil terhadap tuan2 punya tanah itu, kebanyakan daripada mereka telah tidak mengambil berat untuk menjelaskan hutang itu.

Awang Cartland berkata lagi bahawa satu kempen untuk mengutip hutang2 chukai tanah itu akan di-lancarkan tidak berapa lama lagi.

Di-bawah Undang2 Tanah, Pegawai Tanah boleh merampas sa-barang harta yang bergerak atau tanaman di-atas tanah yang hutang chukai-nya belum di-jelaskan dan menjual-nya untuk menchukupi hutang yang belum di-jelaskan itu.

Sa-kira-nya hutang itu tidak dapat di-perolehi dengan cara tersebut, maka Pegawai Tanah ada-lah berkuasa untuk menjual tanah itu.

Selanjut-nya Awang Cartland berkata bahawa sa-kira-nya tidak dapat di-perolehi sa-saorang pun untuk membayar bagi menchukupi hutang tersebut, maka tanah itu akan di-mileki oleh Kerajaan.

Kempen2 sa-bagaimana yang akan di-lancarkan di-Daerah Brunei bagi mengutip hutang chukai tanah itu akan juga di-lancarkan di-Daerah Tutong dan Temburong.

Awang Cartland berkata, kempen tersebut tidak akan di-lancarkan di-Daerah Belait, kerana di-daerah itu di-dapati hanya sedikit sahaja bilangan tuan2 punya tanah yang maseh berhutang chukai tanah mereka.

GAMBAR2 SOKAN BORNEO 1966 DI-JESSELTON, SABAH



ATAS: Pasokan Brunei berbaris di-temasha pembukaan rasmi Sokan Borneo di-Padang Klab Lumba Kuda Diraja Sabah di-Jesselton pada petang hari Juma'at 24 Jun, 1966.

* * *

KIRI: Ketua Pasokan Brunei, Awang Abdi Manaf berjabat tangan dengan Yang Dipertuan Negara Sabah di-temasha pembukaan rasmi Sokan Borneo.

* * *

BAWAH: Satu pemandangan di-upachara membacha Ikrar Sokan sa-belum perlawanan di-mulakan.



KIRI: Wakil Radio Brunei, Awang Abu Bakar Ahmad sedang bercheramah dengan Hamid Momin dari Brunei.



GAMBAR2 SOKAN BORNEO 1966 DI-JESSELTON, SABAH



KIRI: Vivien Ee dari Sarawak pemenang membaling lembing Bahagian Wanita. Ia telah membaling lembing itu sa-jauh 108 kaki 4 inchi.

* * *

KANAN: Onn bin Timbang dari Brunei telah mendapat gelaran yang ketiga dalam lompat bergalah. Pemenang yang kedua dalam lompat bergalah itu ia-lah Abdullah Zakiah juga dari Brunei.

* * *

BAWAH: Satu pemandangan penghabisan lumba lari 800 meter. Johan-nya ia-lah Balwan Singh Kler dari Sabah. Naib Johan-nya ia-lah Sinin Metali dari Brunei dan pemenang ketiga ia-lah Joseph Mong dari Sarawak.



BAWAH: Johan Mem-
buang Peluru bagi se-
luruh Negeri2 Brunei,
Sarawak dan Sabah se-
menjak tahun 1955, A.
Sibidol kelihatan mem-
buang peluru dengan
sa-kuat tenaga - nya
untuk memenangi per-
lawanan itu sa-jauh
39 kaki 10½ inchi.



BAWAH: Satu pe-
mandangan lumba lari
200 meter Bahagian
Wanita. Pemenang
pertama ia-lah Marie
Nair dari Sabah. Ke-
dua Maria Yusof dari
Sabah d a n ketiga
Thien Lee Choo dari
Sarawak.

